

## GARIS PANDUAN PENCALONAN

### ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANSELOR (KATEGORI PENGAJARAN) (AFNC-KP) 2023 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

#### A. PENGANJURAN ANUGERAH

##### Tujuan

Anugerah Fellowship Naib Canselor-Kategori Pengajaran (AFNC-KP) adalah satu inisiatif untuk memberi pengiktirafan yang lebih meluas kepada pegawai akademik yang menunjukkan kecemerlangan dan daya kreativiti yang tinggi dalam pengajaran. Di samping memartabatkan profesion akademia melalui anugerah kepada pengajar cemerlang, AFNC-KP juga dijadikan sebagai wahana untuk mengenal pasti calon untuk Anugerah Akademik Negara (AAN), kategori Anugerah Pengajaran, anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi selain anugerah-anugerah yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

##### Objektif

1. Memberi pengiktirafan kepada para pegawai akademik UPM yang menunjukkan ciri-ciri kecemerlangan yang tinggi dalam inovasi pembangunan pengajaran dan pembelajaran.
2. Menggalakkan dan memupuk inovasi dan kreativiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah UPM.
3. Meningkatkan penggunaan pelbagai kaedah dan amalan pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang dan berkualiti.

#### B. MAKLUMAT ANUGERAH

##### Kelompok Anugerah

Kelompok Calon (berdasarkan Kelompok Anugerah Akademik Negara (AAN))

1. Sains Tulen
2. Sains Gunaan
3. Kesihatan
4. Kejuruteraan
5. Sastera dan Sains Sosial
6. Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan

Sebagai panduan, berikut merupakan bidang pengajaran (mengikut Anugerah Akademik Negara) bagi setiap kelompok:

Kelompok	Contoh Bidang
Sains Tulen	Biologi Kimia Fizik Matematik
Sains Gunaan	Sains Komputer / Teknologi Maklumat Teknologi Industri

Kelompok	Contoh Bidang
	Seni Bina Sains Industri
Kesihatan	Perubatan Pergigian Sains Kesihatan Farmasi Kejururawatan Kesihatan Bersekutu
Kejuruteraan	Kejuruteraan Aeroangkasa Kejuruteraan Awam Kejuruteraan Bahan dan Sumber Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Kejuruteraan Kimia Kejuruteraan Mekanik
Sastera dan Sains Sosial	Sains Politik Bahasa dan Linguistik Sosiologi Psikologi Antropologi Ekonomi Seni Falsafah Pengajian Islam Kesusasteraan Geografi Pengajian Etnik Sejarah
Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan	Komunikasi Pendidikan Pengurusan Perakaunan Perniagaan Perundangan Psikologi Industri Seni Persembahan

## Kategori Anugerah

AFNC-KP terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu Kategori Pengajar Cemerlang dan Kategori Pengajar Muda. Calon perlu mengemukakan bukti tempoh perkhidmatan sebagai ahli akademik (contoh: salinan surat pelantikan sebagai pensyarah).

### 1. Kategori Pengajar Cemerlang

#### **[Tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun]**

Satu (1) orang pemenang bagi setiap kelompok berikut layak menerima anugerah.

- Sains Tulen
- Kesihatan
- Sains Gunaan
- Kejuruteraan
- Sastera dan Sains Sosial
- Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan

### 2. Kategori Pengajar Muda

#### **[Tempoh perkhidmatan kurang daripada 10 tahun (<10 tahun)]**

Satu (1) orang pemenang bagi setiap kelompok berikut layak menerima anugerah.

- Sains Tulen
- Kesihatan
- Sains Gunaan
- Kejuruteraan
- Sastera dan Sains Sosial
- Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan

Ringkasan maklumat kategori, kelompok, bilangan anugerah dan geran Fellowship AFNC-KP adalah seperti berikut:

Kategori	Kelompok Pengajaran	Bil. Anugerah	Geran Fellowship (RM)
<b>Pengajar Cemerlang</b> Tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 10 tahun ( $\geq 10$ tahun)	Sains Tulen	1	10,000.00
	Kesihatan	1	10,000.00
	Sains Gunaan	1	10,000.00
	Kejuruteraan	1	10,000.00
	Sastera dan Sains Sosial	1	10,000.00
	Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan	1	10,000.00
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	<b>60,000.00</b>
<b>Pengajar Muda</b> Tempoh perkhidmatan kurang 10 tahun (< 10 tahun)	Sains Tulen	1	7,000.00
	Kesihatan	1	7,000.00
	Sains Gunaan	1	7,000.00
	Kejuruteraan	1	7,000.00
	Sastera dan Sains Sosial	1	7,000.00
	Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan	1	7,000.00
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	<b>42,000.00</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>12</b>	<b>102,000.00</b>

## Nilai Anugerah

1. Pemenang anugerah akan menerima Trofi, Sijil, dan Geran Fellowship bernilai:
  - i. RM10,000.00 (Kategori Anugerah Pengajar Cemerlang)
  - ii. RM7,000.00 (Kategori Anugerah Pengajar Muda)
2. Geran Fellowship boleh digunakan untuk apa-apa perbelanjaan untuk menghadiri seminar/konferensi/bengkel/ lawatan ke universiti atau institut penyelidikan yang terkemuka di dalam dan luar negara bagi menambah pengalaman dan meningkatkan kemahiran khususnya berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.
3. Tempoh sah laku geran Fellowship adalah satu (1) tahun. Penerima anugerah yang gagal menggunakan geran Fellowship yang diperolehi dalam tempoh satu (1) tahun, maka geran tersebut akan dianggap terbatal dengan sendirinya.
4. Geran Fellowship tidak boleh digunakan selepas pegawai bersara wajib/pilihan atau tamat tempoh perkhidmatan kontrak. Bagi penerima anugerah yang akan bersara atau tamat tempoh kontrak pada tahun anugerah diterima, geran tersebut hendaklah digunakan sebelum penerima bersara wajib/pilihan atau tamat tempoh perkhidmatan kontrak.

## C. PENCALONAN

### Syarat-syarat

1. Pencalonan adalah terbuka kepada semua kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik) yang berkhidmat di UPM.
2. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Ketua PTJ.
3. Calon hendaklah mencapai skor minimum 4.50 mata dalam Penilaian Pengajaran untuk dua (2) semester terkini untuk semua kursus yang diajar.
4. Memperolehi markah sekurang-kurangnya 80% dalam Penilaian Prestasi Tahunan yang terkini.
5. Finalis AFNC-KP terdahulu yang memenuhi syarat-syarat dinyatakan boleh memohon semula untuk pencalonan AFNC-KP 2023.

### Prosedur Pencalonan

1. Calon dikehendaki melengkapkan borang pencalonan berdasarkan maklumat dan garis panduan AFNC-KP.
2. Semua permohonan lengkap hendaklah dikemukakan **melalui fakulti (dengan sokongan Ketua Jabatan dan pengesahan Dekan)** kepada:

Urus Setia AFNC (Kategori Pengajaran)  
Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik (CADE-  
Lead)  
Tingkat 4, Bangunan Canselori Putra  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor  
Tel: 03-9769 6136/2079  
Email: [norazirawani@upm.edu.fatimah](mailto:norazirawani@upm.edu.fatimah) [a@upm.edu.my](mailto:a@upm.edu.my)

3. Tarikh akhir pencalonan: **22 Disember 2023 (Jumaat)**.

## **D. PENILAIAN CALON**

### **Kriteria Asas Penilaian**

1. Penilaian AFNC-KP 2023 mengambil kira pengajaran calon bagi Sesi 2023/2024 (Cerapan pengajaran) dan Sesi 2022/2023 (Markah penilaian pengajaran).
2. Penilaian calon AFNC-KP dibuat berdasarkan kriteria berikut:
  - i. Hasil inovasi dan daya kreativiti yang tinggi dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran menerusi hasil seperti penulisan nota kuliah, buku, modul dan bahan pengajaran lain.
  - ii. Kecemerlangan dalam tugas sebagai pensyarah dan sumbangan dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan penilaian terhadap portfolio pengajaran pensyarah (dokumentasi pengurusan pengajaran).
  - iii. Rekod kualiti pengajaran yang cemerlang berdasarkan penilaian pengajaran oleh pelajar dan penilaian profesional oleh dekan, ketua jabatan dan rakan sejawat.
  - iv. Pengiktirafan berkaitan pengajaran dan pembelajaran daripada universiti atau badan/institusi luar (jika ada).
3. Berikut merupakan kriteria tambahan yang turut diambil kira berdasarkan kriteria pemilihan calon bagi Kategori Anugerah Pengajaran, Anugerah Akademik Negara, Kementerian Pendidikan Tinggi:
  - i. Pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengajaran.
  - ii. Persediaan pengajaran.
  - iii. Kaedah pengajaran
  - iv. Kaedah penilaian pembelajaran.
  - v. Bimbingan dan mentoring.

### **Panel Juri**

1. Barisan Panel Juri AFNC-KP merupakan pakar yang dipilih dari UPM yang diperakui sumbangan dan kepakaran mereka dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Setiap calon akan dinilai oleh Panel Juri dari bidang yang berkaitan.

### **Pelaksanaan Penilaian**

Terdapat tiga (3) peringkat penilaian AFNC-KP seperti berikut:

1. Peringkat Pertama- Penilaian Portfolio Pengajaran
2. Peringkat Kedua- Penilaian Profesional dan Cerapan Pengajaran
3. Peringkat Akhir- Simulasi Pengajaran dan Temuduga

## **Penilaian Peringkat Pertama (Penilaian Portfolio Pengajaran)**

Portfolio pengajaran perlu disediakan dalam SATU dokumen lengkap termasuk bahan-bahan bukti yang berkaitan.

### **Isi Kandungan Portfolio Pengajaran**

Portfolio dan semua bahan bukti yang berkaitan perlu disediakan mengikut susunan berikut:

1. Falsafah pengajaran dan pembelajaran.
2. Strategi keseluruhan tentang kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian.
3. Kreativiti\* dan inovasi\*\* serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran.
4. Penilaian dan testimonial pengajaran/ penyeliaan.
5. Penambahbaikan pengajaran/penyeliaan dan penilaian serta pembangunan profesional.
6. Kesarjanaan dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian.

Nota:

\* *Kreativiti ialah penjana idea atau teknik atau strategi baru dalam pembelajaran dan pengajaran serta penilaian. Kreativiti diukur berdasarkan kebaruan idea dan penggunaan unsur-unsur terbaharu (seperti teknologi / ICT/ strategi pengajaran terkini) dalam pengajaran dan pembelajaran serta penilaian.*

\*\* *Inovasi ialah usaha menambah nilai pembelajaran dan pengajaran serta penilaian bagi kursus-kursus yang diajar. Kejayaan inovasi diukur berdasarkan impaknya terhadap meningkatkan motivasi dan kualiti pembelajaran pelajar.*

Perkara-perkara yang dinilai dalam portfolio adalah seperti berikut:

### **1. Falsafah pengajaran dan pembelajaran yang menggambarkan kesarjanaan pemohon.**

- i. Pernyataan falsafah pengajaran yang jelas dengan kepercayaan dan nilai.
- ii. Pernyataan teori/model yang mendasari falsafah pengajaran dan pembelajaran.

### **2. Pernyataan strategi perancangan dan pelaksanaan keseluruhan tentang kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian.**

Sila perincikan dan jelaskan strategi perancangan dan pelaksanaan yang dilakukan terhadap perkara berikut:

- i. Pengajaran/penyeliaan
- ii. Penilaian

Sila sertakan bahan bukti/maklumat yang berkaitan dengan pernyataan strategi di atas, contohnya:

- Senarai kursus
- Rangka kursus dan bilangan pelajar
- Bilangan pelajar diselia mengikut peringkat Sijil/Diploma/Sarjana Muda/Sarjana/ PhD

### **3. Kreativiti dan inovasi serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran (kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian).**

3.1 Pernyataan kreativiti dan inovasi yang sejajar dan menyokong:

- i. falsafah pengajaran/penyeliaan dan penilaian

- ii. kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian
- 3.2 Terangkan kreativiti dan inovasi yang dilaksanakan
- i. Ciri- asli, signifikan, relevan
  - ii. Kaedah pengajaran dan pembelajaran atau penilaian yang merangsang dan memupuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).
  - iii. Kesejajaran antara kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian dengan hasil pembelajaran.
- 3.3 Impak kreativiti dan inovasi yang digunakan terhadap kualiti pengajaran kepada:
- i. Peningkatan pencapaian pelajar
  - ii. Kualiti hasil kerja pelajar

Sertakan bukti bagi menyokong bahagian yang berkenaan.

#### 4. **Penilaian dan testimonial pengajaran / penyeliaan**

- 4.1 Sertakan bukti hasil penilaian pengajaran / penyeliaan oleh pelajar.
- 4.2 Sertakan testimonial pengajaran / penyeliaan berkesan daripada pelbagai sumber merangkumi:
- i. Pelajar / Alumni
  - ii. Rakan Sejawat
  - iii. Jabatan / Fakulti
  - iv. Universiti
  - v. Komuniti / Industri
  - vi. Lain-lain

#### 5. **Penambahbaikan pengajaran / penyeliaan dan penilaian serta pembangunan profesional**

- 5.1 Penambahbaikan kaedah pengajaran / penyeliaan dan penilaian melalui amalan reflektif yang merangkumi:
- i. Dokumentasi refleksi
  - ii. Analisis / sintesis untuk penambahbaikan
  - iii. Tindakan dan perkongsian
- 5.2 Pembangunan profesional dalam pengajaran / penyeliaan dan penilaian.

#### 6. **Kesarjanaan dalam pengajaran / penyeliaan dan penilaian**

- 6.1 Perkongsian ilmu dan amalan pengajaran / penyeliaan dan penilaian di pelbagai peringkat (universiti / kebangsaan / antarabangsa) melalui mana-mana yang berikut:
- i. Media sosial (termasuk *YouTube, Blog, Facebook* dll.)
  - ii. Bengkel / seminar/ webinar
  - iii. Komuniti pembelajaran ( contoh *Special Interest Group*)
  - iv. Modul pembelajaran / buku teks
  - v. Penerbitan berwasit

- vi. Penerbitan digital (contoh e-buku, e-jurnal, bahan pembelajaran terbuka (OER) )
  - vii. Kursus dalam talian (contoh MOOCs, Micro-credential)
  - viii. Bahan-bahan lain yang berkaitan
- 6.2 Aktiviti bimbingan dan penyeliaan
- i. Pernyataan kaedah bimbingan dan penyeliaan yang digunakan.
  - ii. Tahap pengajian pelajar yang dibimbing/diselia (sertakan senarai nama pelajar).
  - iii. Penjelasan kualiti projek yang terhasil daripada bimbingan /penyeliaan
- 6.3 Pengiktirafan (anugerah / jemputan ucap utama / seminar / penceramah jemputan / jurulatih utama / mentor) yang diperolehi.
- 6.4 Kepemimpinan (pengerusi / jawatankuasa) dalam komuniti akademik (fakulti / universiti / persatuan akademik kebangsaan / antarabangsa) yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

### **Penilaian Peringkat Kedua (Penilaian Profesional dan Cerapan Pengajaran)**

#### 1. Penilaian Profesional

- i. Mengambil kira prestasi pengajaran dan tahap profesionalisme calon dari perspektif tiga kumpulan responden:
  - a. Penilaian pelajar
  - b. Penilaian rakan sejawat
  - c. Penilaian Ketua Jabatan / Dekan

Minimum responden bagi penilaian pelajar dan penilaian rakan sejawat, ialah 15 pelajar/rakan sejawat atau 50% daripada bilangan pelajar calon/ rakan sejawat di fakulti, yang mana lebih rendah.

- ii. Penilaian Pengajaran adalah penilaian pengajaran untuk dua (2) semester terkini untuk semua kursus yang diajar.

#### 2. Penilaian Cerapan Pengajaran

Penilaian Cerapan Pengajaran dilakukan oleh dua (2) orang panel juri yang meninjau serta menilai prestasi pengajaran calon di dalam kelas. Dalam sesi penilaian ini, seorang juri merupakan pakar dalam bidang calon manakala seorang juri lagi dari bidang berlainan.

### **Keputusan penilaian**

**Hanya pencalonan yang melepasi titik ambang pada Peringkat Pertama dan Kedua bagi setiap kategori dan kelompok sahaja yang akan dimajukan ke Peringkat Akhir iaitu Simulasi Pengajaran dan Temuduga.**



## **Penilaian Peringkat Akhir (Simulasi Pengajaran dan Temuduga)**

### **1. Simulasi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)**

Simulasi PdP memerlukan calon melaksanakan sesi PdP berdasarkan topik pilihan calon dalam masa 15 minit. Calon mesti berupaya menonjolkan keterampilan diri dan kebolehan berikut:

- i. Keberkesanan komunikasi
- ii. Kejelasan penyampaian kandungan
- iii. Keupayaan meyakini dan memotivasikan 'pelajar'
- iv. Keupayaan melibatkan 'pelajar' secara aktif dan berkesan
- v. Keupayaan menilai pemahaman 'pelajar'

### **2. Temuduga**

Temuduga akan merangkumi perkara berikut:

- i. Falsafah pembelajaran dan pengajaran
- ii. Kreativiti dan inovasi serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran
- iii. Penambahbaikan pembelajaran dan pengajaran
- iv. Kesarjanaan dalam pembelajaran dan pengajaran
- v. Refleksi sendiri terhadap simulasi pengajaran

## **Keputusan penilaian**

**Finalis yang melepasi titik ambang dan markah tertinggi pada Peringkat Akhir bagi setiap kategori dan kelompok akan diperakukan untuk dipertimbangkan sebagai penerima AFNC-KP.**